

**ANALISIS TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK BERKAITAN REKA BENTUK  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ELEKTRONIK BAHASA ARAB  
UNTUK BUKAN PENUTUR JATI**

*Analysis of The Systematic Literature Review Related to Electronic Teaching and Learning  
of Arabic for Non-Native Speakers*

<sup>1\*</sup>Noor Faridawati bt Asmuzi<sup>1</sup>, <sup>1</sup>Yuslina bt Mohamed<sup>1</sup>, & Sulaiman bin Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

\*Correspondence email: ainamumtazah@gmail.com

**Published:** 25 December 2022

**To cite this article (APA):** Asmuzi, N. F., Mohamed, Y., & Ismail, S. (2022). Analysis of The Systematic Literature Review Related to Electronic Teaching and Learning of Arabic for Non-Native Speakers: Analisis Tinjauan Literatur Sistematis Berkaitan Reka Bentuk Pengajaran dan Pembelajaran Elektronik Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Jati. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 62–74. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.2.6.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.2.6.2022>

### **ABSTRAK**

Kajian ini akan membincangkan kajian literatur berkaitan pengajaran dan pembelajaran elektronik Bahasa Arab Untuk Penutur Bukan Jati dalam kajian terdahulu dan mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka cadangan isu baharu untuk dikaji. Penggunaan e-pembelajaran ini meliputi pelajar penutur bukan jati di sekolah rendah, menengah dan universiti. Data diperolehi melalui kaedah kualitatif yang menerapkan reka bentuk analisis dokumen berpandukan tinjauan literatur sistematik (*systematic literature review, SLR*) sebagai landasan. Setiap tajuk akan dibincang secara terperinci untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan pembelajaran elektronik yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai reka bentuk yang sesuai untuk pengajaran elektronik Bahasa Arab pada kajian-kajian yang lepas. Ia mencakupi empat kemahiran bahasa; iaitu Mendengar dan Bertutur, Membaca dan Menulis serta kemahiran Tatabahasa dan Morfologi Arab. Pembangun perlu kreatif dan bijak dalam memilih program dalam penyediaan reka bentuk e-pembelajaran Bahasa Arab ini agar mencapai objektif yang disasarkan. Konsep e-pembelajaran tidak segerak bagi kemahiran pengayaan kosa kata, tatabahasa dan morfologi Arab lebih menjadi pilihan sarjana kerana ini menerapkan konsep pembelajaran sendiri. Pelajar dapat menguasai pembelajaran tersebut selepas pdp fizikal dan sebagai pemantapan penguasaan kemahiran. Dapatan juga menunjukkan bahawa permasalahan yang timbul daripada kajian-kajian yang lepas berkaitan dengan motivasi dan minat murid dapat diatasi kerana elemen yang terdapat di dalam reka bentuk elektronik ini dapat merangsang daya ingin tahu dan semangat belajar pengguna dalam mempelajari Bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian e-pembelajaran segerak dan tidak segerak bagi bukan penutur jati Bahasa Arab adalah perlu dan wajar diperkembangkan.

**Kata kunci:** e-pembelajaran Bahasa Arab, pengajaran Bahasa Arab dalam talian, pengajaran Bahasa Arab untuk bukan penutur jati dalam talian, pembelajaran Bahasa Arab dalam talian.

### **ABSTRACT**

*This study will discuss the literature review related to electronic teaching and learning of Arabic for non-native speakers in previous studies and integrate the findings of previous studies to explore new issues to be studied. The use of e-learning covers non-native speaker students in primary, secondary and university schools. Data was obtained through a qualitative method that applied a document analysis design based on a systematic literature review (SLR) as a foundation. Each topic will be discussed in detail to get a comprehensive picture related to this e-*

*learning used in teaching and learning Arabic Language. The results of the study show that there are various designs that are suitable for the electronic teaching of Arabic in past studies. It covers four language skills; namely Listening and Speaking, Reading and Writing as well as Arabic Grammar and Morphology skills. Developers need to be creative and smart in choosing programs in the preparation of Arabic e-learning designs in order to achieve the targeted objectives. The concept of asynchronous e-learning for the enrichment of Arabic vocabulary, grammar and morphology skills is more preferred by scholars because it applies the concept of self-learning. Students can master the learning after the physical learning and as a reinforcement of skill mastery. Findings also show that problems arising from previous studies related to student motivation and interest can be overcome because the elements found in electronic design can stimulate the curiosity and enthusiasm of users in learning Arabic. Therefore, the study of synchronous and asynchronous e-learning for non-native Arabic speakers is necessary and appropriate to develop.*

**Keywords:** *arabic e-learning, teaching Arabic online, teaching non-arabic speaker online, learning Arabic online*

## PENGENALAN

Abad 21 menyaksikan bahawa pembelajaran elektronik merupakan satu pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang mengaplikasikan infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Melalui enjin e-pembelajaran, pengetahuan dapat disebarkan, program secara jarak jauh dapat dilaksanakan dan pembelajaran kolaboratif kekal dipraktikkan. Ia telah memberi nafas baru kepada proses pdp tradisional kepada peranti pelbagai fungsi seiring dengan evolusi teknologi. Justeru, guru dan pelajar dapat berinteraksi tanpa batas geografi dan tiada batasan ruang masa semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Melalui sistem ini, pelajar dapat memuat turun nota, mengakses maklumat, melihat keputusan peperiksaan, berinteraksi dengan pensyarah dan rakan serta kemudahan-kemudahan lain.

Berdasarkan statistik laman sesawang industri e-pembelajaran, Malaysia merupakan negara ketiga teraktif di dunia menggunakan kaedah pembelajaran elektronik selain India, China, Romania, Poland, Indonesia dan Brazil (Siti Suriani, 2017). Ini bermakna pembelajaran elektronik kukuh, sistematik, terancang dan fleksibel diamalkan dalam sistem pendidikan dunia kerana ia mampu mengekalkan kualiti pendidikan. Konten pembelajaran menjadi lebih menarik dengan gabungan multimedia, video streaming dan perisian interaktif (Abdullah Fatir, 2000).

Menurut Hafizah (2020) dan Musa (2017) e-pembelajaran adalah teknik pembelajaran moden yang menggunakan multimedia dimana ia dilengkapi dengan suara, gambar, animasi, e-perpustakaan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Manakala, Erma Febriani (2018) mentakrifkan e-pembelajaran adalah proses memindahkan pengetahuan, kemahiran dan maklumat kepada pelajar dengan menggunakan jaringan internet tanpa melihat kepada batasan masa dan tempat. Justeru, dua perkara utama yang menjadi elemen penting dalam e-pembelajaran iaitu konten pembelajaran dan teknologi yang mempunyai jaringan internet atau sebaliknya. Muhsin (2018) menyifatkan e-pembelajaran adalah kelas maya. Maka, elemen yang perlu ada pada e-pembelajaran seperti penerangan, perbincangan, aktiviti dan lain-lain adalah sama seperti kelas fizikal.

Sehubungan dengan itu, pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Arab tidak terkecuali dalam memanfaatkan sistem elektronik ini. E-pembelajaran sedia ada seperti laman sesawang dan aplikasi telah meningkatkan minat dan motivasi pelajar. Motivasi pembelajaran pelajar akan meningkat apabila timbulnya minat dalam proses tersebut (Abas, 2012). Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran memberi kesan yang positif kepada murid dan guru di mana guru mampu melaksanakan pdp secara optimum, menarik dan moden (Saiful Nizam, 2018). Maka, pembina laman web atau aplikasi mestilah memilih model pembelajaran, reka bentuk yang mesra pengguna, media yang bersesuaian bersandarkan kepada konten pembelajaran. Ini adalah kerana e-pembelajaran ini bersifat interaktif dan tidak beku seperti buku-buku teks di sekolah. Bagaimanakah ciri-ciri reka bentuk e-pembelajaran untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab bagi bukan penutur jati?

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan tinjauan literatur sistematik [systematic literature review (SLR)]. Metode kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal, thesis dan buku yang ditulis oleh para sarjana. Kajian ini menerapkan kaedah tinjauan literature sistematik (SLR) yang merangkumi reka bentuk pembelajaran, metodologi, responden kajian dan dapatan. Oleh itu, selain daripada perkara yang tidak berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian tidak akan dimasukkan ke dalam tinjauan sistematik literatur.

Kaedah ini mengaplikasikan carian sistematik dengan menggunakan kata kunci sepertimana prinsip tinjauan literatur sistematik (SLR) yang diterapkan oleh penyelidik moden. Dalam kajian ini kata kunci *Arabic e-learning, teaching Arabic online, learn Arabic online* dan *teaching non-arabic speaker online* bagi mendapatkan data kajian. Carian artikel adalah menggunakan pangkalan data *Scopus dan Website of Science (WOS)* (Jadual 1). e-prosiding inovasi pengajaran dan pembelajaran juga digunakan bagi mencapai objektif kajian. Reka bentuk pembelajaran dalam talian bagi pembelajaran Bahasa Arab untuk pelajar bukan penuturnya merupakan kriteria utama dalam analisis kajian ini. Kajian telah mendapati terdapat 81 buah artikel yang berkaitan dengan e-pembelajaran. Setelah pemeriksaan dilakukan terhadap tajuk dan abstrak, terdapat 33 artikel yang diterima. Walaubagaimanapun, penilaian dan perincian lanjut telah dijalankan, kajian mendapati hanya 15 buah artikel yang akan digunakan bagi kajian ini dan skop carian bermula dari tahun 2014.

**Jadual 1.** Pencarian artikel adalah menggunakan pangkalan data *Scopus dan Website of Science (WOS)*

---

**Scopus** *TITLE-ABS-KEY (arabic AND e-learning OR teaching AND Arabic AND online OR teaching AND non-arabic AND speaker AND online OR learning AND Arabic AND online)*

*TITLE-ABS-KEY (arabic AND e-learning OR teaching AND arabic AND online OR teaching AND non-arabic AND speaker AND online OR learning AND arabic AND online) AND (LIMIT-TO (PUBYEAR 2015) OR LIMIT-TO (PUBYEAR,2014))*

**WOS** <https://www.webofscience.com.eresourcespts1.ukm.remotexs.co/wos/woscc/summary/c9cd6763-37eb-4836-ac95-f162f10fce64-546e33d0/relevance/1>

---

## DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 15 artikel telah dikenal pasti membincangkan reka bentuk pengajaran dan pembelajaran elektronik dengan mengfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk bukan penutur jati. Maka, reka bentuk e-pembelajaran Bahasa Arab bagi penutur jati tidak termasuk dalam perbincangan ini. Reka bentuk e-pembelajaran ini telah digunakan bagi peringkat kanak-kanak, murid sekolah rendah, murid sekolah menengah dan pelajar universiti serta dewasa. Dapatan yang diperolehi telah diringkaskan secara bersistematik seperti Jadual 2:

**Jadual 2.** Sorotan Literatur Secara Sistematis e-Pembelajaran Bahasa Arab Bukan Penutur Jati.

Bil	Kajian	Reka bentuk	Metodologi	Dapatan kajian
1.	<i>Mysur</i> : Pembelajaran Digital Interaktif Tatabahasa Arab (Mohamad Hussin, 2020)	Laman web <i>Mysur</i> 2.0 & tidak segerak.	Kajian kuantitatif & model pembelajaran adalah ADDIE. 20 orang responden daripada tahun satu Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. terlibat dalam peringkat kajian keperluan pembinaan bahan pembelajaran interaktif.	Membincangkan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa arab seperti pembinaan ayat, <i>Mubatada</i> , <i>Jumlah Ismiah</i> , <i>Jumlah fi'liyah</i> dan <i>Idhafah</i> . Ciri-ciri laman ini adalah reka bentuk yang menarik, animasi dan gambar yang membantu kefahaman pelajar memahami tatabahasa arab. Terdapat permainan bahasa disediakan dan keputusan individu dipaparkan sebaik sahaja permainan selesai. Pelajar boleh mengulangi permainan dan mencetak keputusan mereka dalam bentuk <i>PDF</i> . Video yang disediakan tidak melebihi 7 minit. Dapatan kajian menunjukkan 93.3% bersetuju menggunakan multimedia dalam meningkatkan minat pelajar.
2	<i>i-Tamhidi</i> : Platform Interaktif Pembelajaran Tatabahasa Arab (Mohd Naser dan rakan-rakan, 2020)	Laman web <i>i-Tamhidi</i> yang mana e-pembelajaran adalah berkonsep tidak segerak	Kuantitatif. Seramai 100 responden daripada Pusat Bahasa di Universiti Sains Islam Malaysia. pada peringkat keperluan dan 120 responden untuk peringkat penilaian.	Membincangkan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa arab melalui laman web yang dinamakan <i>i-Tamhidi</i> . Dibangunkan melalui sistem ' <i>site123</i> '. Pembangunannya di dirujuk kepada tingkah laku pelajar yang jemu dengan buku teks dan perasaan sukar menguasai tatabahasa. Kesukaran ini menjadikan motivasi pembelajaran mereka rendah. Laman web ini sebagai sokongan kepada pembelajaran. 5 perkara utama yang disediakan di dalam laman web iaitu petikan video pengajaran, e-buku, latihan tatabahasa, perbincangan dan jawapan serta pengenalan kepada pereka bentuk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa laman web berjaya meningkatkan motivasi pelajar dan sesuai dengan pembelajaran sendiri.
3	Aplikasi ' <i>Ezy-Amar</i> ' Dalam	Aplikasi <i>android</i> & e-	ADDIE.	Membantu murid menguasai kata kerja perintah untuk kata kerja yang lebih 3 huruf dan pembinaan ayat melaluinya.

- |   |   |   |   |
|---|---|---|---|
| <p>Pembelajaran<br/><i>E-Mobile</i> Sarf<br/>Arab (Didi<br/>Nurdina &amp;<br/>rakan-rakan,<br/>2020)</p>  | <p>pembelajaran<br/>berkonsep<br/>tidak segerak.<br/>Pengguna<br/>boleh memuat<br/>turun aplikasi.</p>                                  | <p>Selain itu, ia juga membantu menguatkan ingatan mereka bagi 3 jenis kata kerja arab. Aplikasi ini menggunakan 3 bahasa iaitu Bahasa Melayu, Arab dan <i>English</i> untuk memudahkan capaian pengguna bukan penutur jati arab. Terdapat nota, video dan pelbagai latihan Bahasa. Dapatan kajian menunjukkan ia membantu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.</p> |   |
| <p>4 <i>LUGHO</i>:<br/>Aplikasi Media<br/>Pembelajaran<br/>Bahasa Arab<br/>Untuk Sekolah<br/>Dasar (Gungun<br/>Gunadi &amp;<br/>rakan-rakan,<br/>2020)</p>  | <p>Aplikasi<br/>Android<br/>&amp; e-<br/>pembelajaran<br/>berkonsep<br/>tidak segerak</p>   | <p><i>Research &amp; Development</i><br/>dengan menggunakan<br/>empat tahap<br/>pengembangan iaitu<br/>Pendefinisian,<br/>Perancangan,<br/>Pengembangan dan<br/>Penyebaran. Responden<br/>adalah Sekolah Rendah<br/>Tahun 4</p>   | <p>Membincangkan satu tema sahaja dalam silibus iaitu “Anggota Keluarga”. Penilaian aplikasi ini dalam membantu pembelajaran daripada panel konten dan media adalah sangat baik dan penilaian daripada guru adalah baik. Manakala, hasil uji coba adalah sangat baik. Aplikasi ini menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan bersifat pembelajaran sendiri.</p>                                      |
| <p>5 Aplikasi Alif<br/>Ba Ta Dalam<br/>Pengajaran<br/>Mengenal<br/>Huruf Bahasa<br/>Arab Bukan<br/>Penutur (Nur<br/>Hanim &amp; Siti<br/>Fatimah, 2020)</p> | <p><i>Augmented<br/>Reality (AR)</i>.<br/>Aplikasi<br/>telefon<br/>pintar &amp; e-<br/>pembelajaran<br/>berkonsep<br/>tidak segerak</p> | <p>ADDIE. Sasaran adala<br/>kanak-kanak yang berumur<br/>1 hingga 6 tahun (untuk<br/>pembelajaran) &amp; murid<br/>sekolah rendah, menengah<br/>dan golongan dewasa<br/>(memperbetulkan sebutan<br/><i>makhraj</i> huruf arab).</p>   | <p>e-Pembelajaran huruf <i>hijaiyah</i>. Pengguna dapat mengulang dengar sebutan yang betul walaupun di luar sesi pembelajaran kelas yang bersifat terbatas. Selain itu, pengguna dapat menambah kosa kata arab melalui aplikasi ini. Aplikasi terdiri daripada 2 bahagian iaitu kamera pengimbas dan latihan berbentuk permainan yang bertujuan untuk menguatkan ingatan &amp; kemahiran pengguna.</p> |
| <p>6 <i>ARABest@Zap<br/>par</i> (Siti Salwa<br/>&amp; Norasyikin,<br/>2020)</p>   | <p><i>Augmented<br/>Reality (AR)</i>.<br/>Aplikasi<br/>telefon<br/>pintar &amp; e-<br/>pembelajaran<br/>berkonsep</p>                   | <p>Responden adalah 47<br/>orang pelajar di bawah<br/>Pusat Pengajian Teras,<br/>Universiti Sultan Zainal<br/>Abidin.</p>   | <p>Aplikasi yang bersandarkan konten Bahasa Arab yang terdapat dalam buku <i>Al-Muin</i>. Hasil kajian berfokuskan kepada tingkahlaku pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab selepas menggunakan aplikasi. Minat dan fokus pelajar meningkat berbanding penggunaan buku teks yang bersifat kekal.</p>  |

- tidak segerak
- 7 *EZMAHER* (Norhaniza dan rakan-rakan, 2020) Aplikasi *Android* melalui laman *Thinkable.com* & e-pembelajaran berkonsep tidak segerak. Metodologi: Kuantitatif & Model Pembelajaran ADDIE. Responden adalah 30 murid daripada sekolah menengah dan pelajar universiti yang berumur di antara 19 hingga 25 tahun. Aplikasi untuk pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bagi pelajar Bahasa Arab bukan penutur jati. Terdapat 3 peringkat dalam aplikasi ini iaitu rendah, sederhana dan tinggi dan setiap peringkat itu mempunyai 3 tajuk yang menggunakan MP3 dan MP4. Setiap tajuk daripada disediakan latihan daripada aplikasi *Wordwall.com* untuk menguji kefahaman pengguna. Peringkat pertama adalah berfokus kepada kosa kata, peringkat kedua adalah berkonsepkan perbualan yang merupakan pengembangan daripada peringkat pertama dan peringkat ketiga adalah petikan teks pendek. Terdapat 34 permainan Bahasa dan 22 daripadanya boleh dicetak melalui versi *PDF*. Hasil kajian menunjukkan bahawa aplikasi ni dapat memperbaiki kemahiran mendengar dan bertutur serta meningkatkan pengayaan bahasa pengguna. Selain itu, ia berjaya menarik minat pelajar menguasai Bahasa Arab.
- 8 E-Pembelajaran bagi Proses Kemahiran Membaca Dalam Kementerian Tinggi (Apri Wirdana Ritonga dan rakan-rakan, 2020) Aplikasi whatsapp & e-pembelajaran berkonsep segerak. Metodologi: Kualitatif, kajian diskriptif di mana data dikumpulkan melalui pemerhatian, temubual & soal selidik. Responden adalah 20 pelajar universiti, UIN Imam Bonjol Padang. Kemahiran Membaca. Membaca teks arab dan menghantar rakaman bacaan melalui whatsapp dan memahami kosa kata yang terpilih. 10 soalan ditanya bagi memastikan pelajar memahami teks yang dibincangkan. Hasil kajian, kemahiran bacaan berjaya melalui aplikasi ini. Namun, perbincangan melalui whatsapp tidak berjaya kerana terdapat sebilangan pelajar yang lewat respon perbincangan sehingga perbincangan bercampur dengan soalan lain. Kelewatan ini timbul kerana masalah internet di kawasan tersebut. Ia memberi kesan yang negatif kepada proses pembelajaran. Justeru, pelajar lebih memilih perbincangan secara bersemuka. Realitinya, guru meneliti bacaan pelajar lebih teliti melalui rakaman tersebut namun perbincangan agak sukar dilakukan kerana capaian internet di setiap tempat berbeza.

- |    |   |  |   |  |
|----|---|--|---|--|
| 9  | Pengembangan Aplikasi Pembelajaran Inovatif Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Web (Pengadilan Rambe, 2019)                              | Laman Web & e-pembelajaran berkonsep tidak segerak.                                  | Pembinaan laman web berdasarkan model 4D iaitu pengenalan, mereka bentuk, pengembangan dan penyebaran. Responden: 2 orang guru Sekolah Rendah Wilayah (1), Pekan Baru, Indonesia yang pakar dalam bidang teknologi untuk memastikan kesahan laman web dengan konten pembelajaran. | Laman web yang membincangkan nama haiwan, buah-buahan dan alat pembelajaran. E-pembelajaran bersandarkan kepada buku Bahasa Arab yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama Indonesia pada tahun 2013. Hasil kajian mendapati e-pembelajaran yang inovatif ini meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa kerana ia mempunyai ciri-ciri paparan yang menarik, suara, gambar, kandungan, objektif yang jelas dan bahasa yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Penilaian kesesuaian penggunaan laman web digunakan di sekolah mencapai 87.5% kerana ia melengkapsi silibus Bahasa Arab. |
| 10 | <i>Hybrid Learning</i> Dalam Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab Pada Anak Berbantuan Media <i>Al-Mutho</i> (Nuril Mufidah & rakan-rakan, 2019) | Video & e-pembelajaran berkonsep tidak segerak.                                      | Metodologi: Kualitatif di mana pemerhatian dan temubual dilaksanakan bagi pengumpulan data. Responden adalah murid sekolah rendah. daripada tahun tiga di Sekolah Rendah Karangdowo, Malang, Indonesia.   | Video mempelajari kosakata Bahasa Arab di bawah tajuk " <i>Haalatul Hadiiqoh</i> " (Keadaan taman). Hasil kajian mendapati berlaku perubahan tingkah laku pembelajaran yang positif di mana murid termotivasi dan bersemangat apabila berlumba-lumba ingin menjawab soalan yang diajukan. Selain itu, mereka boleh menghafal 10 kosakata yang diberikan setiap kali selesai pembelajaran.  |
| 11 | Media Interaktif Formula Pola Ayat Kata Kerja Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur (Saipolbarin & rakan-rakan,                                     | Aplikasi kit media melalui internet atau CD. E-pembelajaran berkonsep tidak segerak. | Model pembelajaran ADDIE. Sasaran adalah murid sekolah dan pelajar institusi tinggi serta pelajar dewasa.   | Membina ayat yang bermula dengan kata kerja berkonsepkan 'buah epal' bagi kata kerja transitif dan 'pergi ke sekolah' bagi kata kerja tak transitif. Dapatan kajian, model kit ini berjaya membantu pembinaan ayat murid kerana ia dibantu dengan sebutan audio dan penulisan. Ia juga berjaya menarik minat pembelajaran murid.   |

2019)

- |    |   |   |   |   |
|----|---|---|---|---|
| 12 | Pembangunan Laman Web <i>EZ-Arabic</i> Sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab Bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia (Mohd Firdaus dan rakan-rakan, 2013) | Laman web. Tidak bergerak.  | <i>Instructional design-ID</i> . Sasaran: Murid Sekolah Rendah.                             | Laman ini menyediakan buku elektronik dengan menggunakan program <i>anyflip.com</i> lebih merangsang pembacaan murid kerana berwarna-warni dan lebih menarik. Latihan elektronik untuk peningkatan kemahiran bahasa pelbagai jenis seperti isi tempat kosong, nombor dan memilih jawapan yang betul. Dapatan kajian menunjukkan laman ini mesra pengguna di mana murid dapat mengakses bahan dengan mudah, pelbagai aktiviti dan latihan kemahiran bahasa. Selain itu, ikon dan reka bentuk yang disediakan sesuai dengan kumpulan sasaran. |
| 13 | Pembuatan <i>Electronic Book (E-Book)</i> Bahasa Arab Dengan <i>Software Flip Book Maker</i> (Moh Fauzan, 2016)   | E-pembelajaran berkonsep tidak bergerak.  | ADDIE   | Membincangkan reka bentuk buku elektronik dengan menggunakan program <i>Flip Book Maker</i> . Penggunaan program ini mudah dicapai oleh pelajar dan lebih praktikal. Justeru, pengguna akan lebih menikmati buku elektronik kerana gambar yang berwarna-warni dan reality serta dilampirkan video. Pengkaji hanya mencadangkan dan menyatakan kebaikan program ini.   |
| 14 | Belajar Bahasa Arab Guna Permainan Atas Talian (Nurul Aniqah, 2016)   | Laman web & e-pembelajaran berkonsep tidak bergerak. Menggunakan program <i>Raptivity</i> dan | ADDIE. Pelajar universiti dan terbuka untuk yang mereka yang ingin mempelajari Bahasa Arab. | Membincangkan laman web yang mana pembinaannya diketuai oleh PM Dr Sabri Sahril dan 14 pakar bahasa serta 16 pensyarah daripada UIAM pada tahun 2011. Ia dibina berdasarkan sukatan pusat Bahasa (CELPAD) di universiti. Terdapat 34 permainan elektronik daripada 8 peringkat yang menguji kemahiran huruf, perkataan, kata seerti, kata lawan, tatabahasa dan morfologi, frasa, ayat dan ujian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa laman web ini mudah digunakan   |



*Microsoft  
Office  
Frontpage.*

- |    |   |                                  |  |   |
|----|---|----------------------------------|--|---|
| 15 | Hubungan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi KeLiP Dengan Pencapaian Pelajar (Norasyikin & rakan-rakan, 2014) | Laman web KeLiP & tidak segerak. | Metodologi: Kuantitatif. Responden: 22 pelajar bidang Bahasa Arab, 24 pelajar bidang Pendidikan Islam dan 23 pelajar lain-lain bidang Universiti Sultan Zainal Abidin. | dan sesuai untuk golongan sasaran kerana turut dilampirkan cara permainan, terjemahan Google dan kamus istilah Bahasa Arab dan Inggeris bagi memudahkan pengguna menggunakan laman web dan memahami arahan yang tertera.<br><br>Responden perlu menggunakan program ini selama 10 minggu. Ia dilengkapi dengan gambar, audio, video dan capaian tambahan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pemarkahan pada ujian yang dijalankan terhadap pelajar selepas menggunakan program ini walaupun mereka berlainan bidang. |
|----|---|----------------------------------|--|---|
-

## PERBINCANGAN

Kesemua artikel-artikel yang dipilih telah diklasifikasikan mengikut tema yang bersesuaian. Secara keseluruhan juga terdapat 15 artikel yang menepati tema yang diklasifikasikan. Oleh itu, kajian akan membentangkan kajian reka bentuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk bukan penutur jati mengikut tema seperti berikut; 1) Reka Bentuk e-Pembelajaran, 2) Kemahiran Bahasa Arab, 3) Program yang digunakan, 4) Tingkah laku pengguna.

### Tema 1: Reka Bentuk e-Pembelajaran

Reka bentuk e-pembelajaran daripada laman sesawang dan aplikasi android menepati untuk tujuan pembelajaran kerana sifatnya yang mesra pengguna dan sesuai digunakan golongan sasaran. Laman sesawang ialah dokumen bermaklumat elektronik yang menggunakan pelayar sesawang dan boleh dilayari di jaringan internet yang dihasilkan dalam bentuk HTML atau XHTML serta kebolehan pautan-pautan ke laman lain (Wikipedia, 2022). Manakala aplikasi android adalah aplikasi perisian pada platform Android dan boleh dimuat turun dalam telefon pintar atau tablet pc yang berjalan pada OS Android (theastrologypage, 2022).

Merujuk kepada kajian lepas, laman web seperti laman *i-Tamhidi* (Mohd Naser, 2020), *Mysur* (Mohamad Hussin, 2020), KeLiP (Norashikin, 2014) dan *Arabic-games* (Nurul Aniqah, 2016) menjadi pilihan utama bagi institusi pengajian tinggi. Laman web ini dibangunkan merujuk kepada silibus pembelajaran sesebuah institusi pendidikan yang diadaptasi daripada kelas fizikal kepada kelas maya. Manakala *Ez-Arab* (Mohd Firdaus, 2013) bagi sekolah rendah dibangunkan bertujuan untuk pengayaan kosa kata arab. Ciri-ciri yang terdapat di dalam laman web membolehkan pelbagai elemen video, gambar, animasi, audio, e-nota, e-sijil dan e-permainan melengkapkan proses pembelajaran.

Bagi tajuk yang hanya berfokus kepada bahagian tertentu, penggunaan aplikasi adalah lebih sesuai. Sebagai contohnya *Ezy-Amar* (Didi Nurdina, 2020) dibangunkan untuk kemahiran kata kerja perintah, *Lugho* (Gungun Gunadi, 2020) untuk kosa kata tajuk Anggota Keluarga (Nuril Mufidah, 2019), *Alif Ba Ta* (Nur Hanim, 2020) untuk kemahiran sebutan huruf *Hijaiyah*, *ARABest@Zappar* (Siti Salwa, 2020) berfokus kepada e-buku *Al-Muin* dan *Al-Mutho* berbentuk video untuk kosa kata Bahasa Arab. Aplikasi-aplikasi ini boleh dimanfaatkan menggunakan internet atau di muat turun.

Kebanyakan reka bentuk teknologi ini berkonsep tidak segerak (*asynchronous*). Merujuk kepada Stefan (2008) tidak segerak bermaksud pembelajaran dan perbincangan yang menggunakan teknologi tanpa kehadiran guru dan pelajar pada waktu yang sama di dalam talian berikutan kekangan atas urusan lain. Pelajar boleh menggunakan reka bentuk ini untuk mengulangkaji pelajaran secara sendiri atau mengulangi konsep yang kurang difahami. Ia juga membantu pembelajaran pelajar yang tidak hadir semasa sesi pdp kerana keterlibatan program sekolah di luar atau keuzuran diri. Reka bentuk segerak (*synchronous*) iaitu pembelajaran yang menggunakan media berbentuk persidangan video dan perbualan, di mana penyertaan pelajar dan guru perlu semasa perbincangan dilaksanakan. Ia menggantikan kelas fizikal kepada kelas maya.

### Tema 2: Kemahiran Bahasa Arab

Bahasa Arab memfokuskan empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran Qawaid Arabiyah iaitu kemahiran tatabahasa dan morfologi juga menjadi fokus utama bagi pdp Bahasa Arab selain empat kemahiran tersebut. Melihat kepada laman dan aplikasi yang telah dibangunkan, didapati medium pembelajaran elektronik ini sesuai diterapkan kepada semua kemahiran tersebut.

Dua kajian memfokuskan kepada kemahiran mendengar dan bertutur (Nur Hanim, 2020; Norhaniza, 2020), satu kajian untuk kemahiran membaca (Apri Wirdana, 2020), empat kajian kepada pengayaan kosa kata (Gungun Gunadi, 2020; Pengadilan Rambe, 2020; Nuril Mufidah, 2020; Mohd Firdaus, 2013) dan dua kajian kepada kemahiran bertulis (Saipolbarin, 2019; Nurul Aniqah, 2016). Manakala, bagi kemahiran *qawaid arabiah* (Mohamad Hussin, 2020; Mohd Naser, 2020; Didi Nurdina, 2020; Nuril Aniqah, 2016) terdapat empat kajian dan pembangunan reka bentuk buku elektronik (Siti Salwa, 2020; Moh Fauzan, 2016) terdapat dua kajian. Di sini, kita dapati bahawa kemahiran *qawaid arabiah* menjadi fokus pilihan kepada sarjana rentetan daripada keperluan pengguna dalam memahami dan menguasai kemahiran tersebut perlu dilaksanakan secara berterusan.

### **Tema 3: Program yang digunakan**

Pemilihan program adalah penting untuk mendapat objektif yang disasarkan. Untuk membangunkan buku elektronik, kajian mendapati program anyflip.com (Mohd Firdaus, 2013), *Augmented Reality* (Siti Salwa, 2020) dan *flip book Maker* (Moh Fauzan, 2016) sesuai digunakan. Manakala bagi permainan latihan bahasa program wordwall.com menjadi pilihan (Norhaniza, 2020). Video dan audio merupakan elemen utama bagi setiap reka bentuk kajian. Medium ini menggantikan sebahagian peranan guru di dalam kelas sebagai penyampai pengajaran. Laman thinkable.com (Norhaniza, 2020) sesuai bagi pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur dan Portable Document Format (PDF) sebagai program sokongan bagi penyediaan bahan di luar talian. Aplikasi whatsapp masih dilihat relevan sebagai medium pembelajaran elektronik (Apri Wirdana, 2020). Sistem Raptivity, Microsoft Office Frontpage (Nurul Aniqah, 2016) dan site123 (Mohd Naser, 2020) antara pilihan sarjana dalam membangunkan laman sesawang. Lampiran pautan capaian tambahan juga perlu disertakan dalam reka bentuk sebagai maklumat tambahan atau bantuan pengguna semasa menggunakan reka bentuk yang dibangunkan.

Walaupun bagaimanapun, aplikasi whatsapp dilihat membantu pengguna dalam kemahiran membaca di mana rakaman bacaan pengguna dapat dinilai oleh guru. Namun, pada aras perbincangan bahan bacaan dan kefahaman, dilihat ia mengganggu emosi dan fahaman pengguna berikutan maklumat yang diterima pengguna tidak sama. Ini berikutan kelajuan capaian internet di tempat-tempat tertentu itu tidak sama (Apri Wirdana, 2020). Penggunaan program yang sesuai sangat penting bagi mencapai objektif yang disasarkan.

### **Tema 4: Tingkah laku pengguna.**

Dapatan kajian lepas, semua reka bentuk berjaya merangsang minat dan motivasi pengguna Bahasa Arab. E-pembelajaran ini juga menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan bersifat pembelajaran sendiri. Pengguna mudah menghafal kosa kata di dalam sukatan mereka dan medium elektronik ini menjadikan ingatan mereka lebih kuat berkaitan konten pembelajaran kerana ia menggunakan daya penglihatan, pendengaran dan pergerakan kognitif serta ia mudah dicapai di mana sahaja mereka berada (Mohd Shahrizal, 2016). Corak pembelajaran di dalam kelas juga menjadi lebih aktif kerana murid berlumba-lumba menjawab soalan yang dikemukakan guru di akhir sesi pembelajaran (Nurul Mufidah, 2019). Buku elektronik juga mampu menukar persepsi negatif di awal pembelajaran kepada positif kerana ia bersifat interaktif berbanding buku fizikal yang bersifat kekal (Siti Salwa, 2020). Dapatan kajian *Mysur* menunjukkan 93.3% bersetuju menggunakan multimedia dalam e-pembelajaran Bahasa Arab (Mohamad Hussin, 2020). Begitu juga Lughu menunjukkan sangat baik (Gungun Gunadi, 2020) dan kajian Pengadilan (2019) menunjukkan 87.5%. Manakala dapatan kajian KeLiP menunjukkan peningkatan pemarkahan dalam peperiksaan telah dicapai oleh pengguna (Norasyikin, 2014). Peningkatan bersifat menyeluruh tanpa melihat kepada latar belakang pengguna yang telah mempelajari Bahasa Arab di peringkat menengah atau sebaliknya.

## KESIMPULAN

Pembelajaran elektronik merupakan isu yang sangat signifikan dalam pembelajaran Abad ke 21. Oleh itu, terdapat banyak penyelidikan yang telah dijalankan tentang pembelajaran Bahasa Arab. Berdasarkan analisis sistematik yang dilakukan, kajian mendapati terdapat empat tema penting dalam kajian e-pembelajaran Bahasa Arab untuk bukan penutur jati iaitu 1) Reka Bentuk e-Pembelajaran, 2) Kemahiran Bahasa Arab, 3) Program yang digunakan, 4) Tingkah laku pengguna. Oleh itu, reka bentuk e-pembelajaran Bahasa Arab ini perlu diperkembangkan dan diperbanyakkan kerana impaknya lebih besar kepada pengguna. Pembangun perlu kreatif, kreatifis dan bijak membangunkan konten dan laman reka bentuk serta memanfaatkan program sedia ada sebaik-baiknya. Selain itu, pembangun juga perlu sarjana dengan kelebihan setiap reka bentuk dan program. Pemilihan program ini sangat penting untuk mendapatkan hasil yang diobjektifkan.

## RUJUKAN

- Ahmad Taufik. 2020. "Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Internet". *Edification Journal: Pendidikan Agama Islam*. v3 (1). p57-72.
- Apri Wardana Ritonga, Mahyudin Ritonga, Talqis, Martin Kustati, Rehani, Ahmad Lahmi, Yasmadi & Pahri. 2020. "E-Learning Process of Maharah Qiraah in Higher Education during The Covid-19 Pandemic". *International Journal of Higher Education*. Sciedu Press. v9 (6). p227-235. <<https://www.sciedupress.com/journal/index.php/ijhe/article/view/18521/11659>>. Accessed: 23 Januari 2021.
- Didi Nurdina Joseph, Husna Ahmad Saidi, Nor Faidah Nulhassan & Zarima Mohd Zakaria. 2020. "Aplikasi Ezy-Amar Dalam Pembelajaran E-Mobile Sarf Arab". *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. p22-26.
- Erma Febriani & Talqis Nurdianto. 2018. "Peranan Pengajaran Elektronik Dalam Pengajaran Bahasa Arab". *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*. v10 (2). p187-198.
- Gungun Gunadi, Fakhur Razi Amir & Agus Mulyana. 2020. "Lughoh: Aplikasi Media Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Sekolah Dasar". *Tatsqify: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*. Indonesia: Universitas Djuanda. v1 (1). p19-27.
- Hafizah Abas. 2020. "Memanfaatkan e-pembelajaran ketika pandemic Covid -19". *Tinta Minda, Bernama*. 22 Mei. <<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1843907>>. accessed: 15 Januari 2021.
- Hazimah Rafie, Nur Widad Nadra, Nur Asyiqin & Nor Aizan. "E-zy Wazan". *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. p84-89.
- Hrastinski, Stefan. 2008. "Asynchronous & Synchronous E-Learning". *Educause Quarterly*. v31 (4). p51-55.
- Moh Fauzan. 2016. "Pembuatan Electronic Book (e-book) Bahasa Arab Dengan Software Flip Book Maker". (Paper). *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab (Konasbara)*. Indonesia: Universitas Negeri Malang. 15 Oktober. p228 -244. <[file:///C:/Users/Faridawati%20Asmuzi/Downloads/64-117-1-SM%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/Faridawati%20Asmuzi/Downloads/64-117-1-SM%20(1).pdf)>. Accessed: 15 Januari 2021.
- Mohamad Hussin, Mohamad Sofian, Mahazani & Hanan. 2020. "MYSUR: Pembelajaran Digital Interaktif Tatabahasa Arab". *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. P187-195.
- Mohamad Lukman Al Hakim, Mohd Feham, Nur Farhana & Abd Wahab. 2020. "AR Tasrif – Teaching And Learning Arabic Pattern Verbs Using Augmented Reality (AR)". *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. p277-282.
- Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Shahrizal Nasir. 2013. "Pembangunan Laman Web EZ-Arabic Sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia". *Jurnal*

- Teknologi (Social Sciences)*. Malaysia: Johor, Penerbit UTM Press. v61 (1). p11-18. <<https://journals.utm.my/jurnalteknologi/article/view/1676/1288>>. Accessed: 13 Januari 2021.
- Mohd Naser, Mohamad Hazwan & Azlan. 2020. “i-Tamhidi: Platform Interaktif Pembelajaran Tatabahasa Arab”. *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. p101-106.
- Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus, Mohd Fauzi & Muhammad Sabri Sahrir. 2016. “Analisis Respons Pelajar Terhadap Reka Bentuk Laman e-Pembelajaran Bahasa Arab Melalui *EZ-Arabic.net* Untuk Pelajar Sekolah Rendah”. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Malaysia: Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa. v3 (2). p1-18. <[http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files5/jsass\\_vol3bil2\\_001\\_shahrizal.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files5/jsass_vol3bil2_001_shahrizal.pdf)>. Accessed: 15 Mei 2021.
- Muhammad Sabri & Ghazali Yusri. 2012. “Online Vocabulary Games For Teaching And Learning Arabic”. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Malaysia: Selangor, UKM Journal Article Repository. v12 (3). p961-977. <[http://journalarticle.ukm.my/5551/1/Vol\\_12\\_3\\_%28961-977%29.pdf](http://journalarticle.ukm.my/5551/1/Vol_12_3_%28961-977%29.pdf)>. Accessed: 13 Januari 2021.
- Muhammad Thohir, Mohammad Kurjum & Abdul Muhid. 2020. “Desain Dan Wacana Buku Ajar Elektronik Bahasa Arab Standar”. *Litera: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Dan Pengajarannya*. v19 (1). p1-20. <<https://journal.uny.ac.id/index.php/litera/article/view/28901>>. Accessed: 13 Januari 2021.
- n.a.. 12 Julai 2022. “Laman web”, <[https://ms.wikipedia.org/wiki/Laman\\_web](https://ms.wikipedia.org/wiki/Laman_web)>. accessed: 10 September 2022.
- n.a.. September 2022. “Apakah aplikasi android? - definisi dari *techopedia*”. <<https://ms.theastrologypage.com/android-app>>. Accessed: 10 September 2022.
- Norasyikin Osman, Kamarul Shukri, Siti Salwa & Khoirun Nisak. 2014. “Hubungan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi KeLiP Dengan Pencapaian Pelajar”. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. Malaysia: Johor, Penerbit UTM Press. v67 (1). p1-4. <<https://journals.utm.my/jurnalteknologi/article/view/1981/2141>>. Accessed: 15 Januari 2021.
- Norhaniza bt Adnan, Noor Aisyah, Nur Haslinda & Tuan Shahira Amalin. “EZMaher”. *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ms 77-83.
- Nur Hanim Hassan & Siti Fatimah Abdul Halim. 2020. “Aplikasi Alif Ba Ta Dalam Pengajaran Mengenal Huruf Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur”. *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. p27-31.
- Nuril Mufidah, Umi Salamah, Imroatul Muthoharoh & M.Irfan Islamy. 2019. “Hybrid Learning Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Anak Berbantuan Media AI-Mutho”. *Al- Mudarris: Journal Of Education*. Indonesia: STAI Ma’had Aly Al-Hikam Malang. v2 (1). p40-52. <<https://e-journal.staima-alhikam.ac.id/index.php/al-mudarris/article/view/227>>. Accessed: 17 Januari 2021.
- Nurul Aniqah Sazale. 2016. “Belajar Bahasa Arab Guna Permainan Atas Talian”. *Berita Harian*. 18 April. <<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/144825/belajar-bahasa-arab-guna-permainan-atas-talian>>. accessed: 17 Januari 2021.
- Pangadilan Rambe. 2019. “Pengembangan Aplikasi Pembelajaran Inovatif Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Web”. *Arabi: Journal of Arabic Studies*. v4 (1). p55-64. <<http://journal.imla.or.id/index.php/arabi>>. Accessed: 15 Januari 2021.
- Siti Salwa Mohd Noor & Norasyikin Osman. 2020. “ARABest@Zappar”. *Arabic International Innovation Teaching And Learning 2020*. Mohammad Taufik, Nazri Atoh & Saipolbarin (ed). Malaysia: Perak, Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris. p32-37.
- عبد الله فاطر، 2000. إنتاج المواد التعليمية لبرامج التعليم عن بعد. منشورات المنظمة الإسلامية للتربية والعلوم والثقافة، إبيسيكو. علي، محمد السيد. 2011. اتجاهات وتطبيقات حديثة في المناهج وطرق التدريس. ط1. الأردن: عمان، دار المسيرة للنشر والتوزيع والطباعة. محمد توفيق. 2016. "التكنولوجيا في تعلم اللغة العربية". التدريس: دوريات تدريس اللغة العربية. م4 (1). ص1-11. <<http://ejournal.iain->>
- المحيسن، إبراهيم بن عبد الله. 2002. "التعليم الإلكتروني.... ترف أم ضرورة...؟". (ورقة عمل). الندوة: مدرسة المستقبل. السعودي: جامعة الملك سعود. 17-16 رجب. <<http://www.gulfkids.com/ar/artical->> htm284. النظر: 21 يناير 2021.